

# UTHM anjur kursus ternak lebah kelulut

**BATU PAHAT 8 Sept.** - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mempelawa orang ramai terutamanya penduduk sekitar daerah ini untuk menyertai kursus penternakan lebah kelulut yang akan diadakan pada Sabtu dan Ahad ini.

Bahagian Komunikasi Korporat UTHM dalam satu kenyataan hari ini memaklumkan, kursus itu dijalankan dengan kerjasama Pusat Apiari Nasional dan penyertaan terbuka kepada

komuniti tempatan yang berminat.

"Mereka yang berminat menjadi penternak terlatih untuk menghasilkan madu lebah kelulut yang berkualiti tidak harus melepaskan peluang keemasan ini yang akan diadakan oleh UTHM.

"Para peserta akan diberi khidmat nasihat teknikal dan pengetahuan asas tentang lebah kelulut serta penghasilan madu menggunakan teknologi dan kepakaran yang

dimiliki UTHM dan Pusat Apiari Nasional bagi memulakan projek penternakan lebah kelulut," demikian menurut kenyataan itu.

Menurut kenyataan berkenaan, sejarah industri penternakan lebah kelulut bermula di Batu Pahat kira-kira 28 tahun lalu dan telah memberi peluang kepada Jabatan Pertanian mewujudkan Pusat Apiari Nasional yang terletak di Pusat Pertanian Parit Botak, dekat sini pada Oktober 1988.

Pusat Apiari Nasional tersebut bertanggungjawab menjalankan pelbagai aktiviti berkaitan penternakan dan pemeliharaan lebah yang kini semakin pesat berkembang di seluruh negara.

Orang ramai yang berminat boleh menghubungi Dr. Siti Fatimah Zaharah Mohamad Fuzi menerusi 013-7484665 atau Nazrullah Abdullah (07-4531334) untuk maklumat lanjut.